

# **EFIKASI KENDIRI GURU PELATIH IPGKTHO DALAM MELAHIRKAN GURU ABAD 21**

Idawati binti Moin<sup>1,\*</sup>& Wan Azlinda Wan Mohamed<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Melayu, IPGKTHO

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM

\*Surat menyurat: idawati@iptho.edu.my, azlinda@uthm.edu.my

## **Abstrak**

*Seorang guru dikatakan cemerlang apabila guru tersebut mampu menguasai sifat-sifat menyeluruh atau holistik kerana suka ataupun tidak, profesion keguruan menuntut seorang guru memiliki kesempurnaan yang mampu diperoleh dan kehebatan dalam kehidupan sehari-hari khususnya ketika mendidik anak didiknya. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap efikasi kendiri guru pelatih IPGK THO dalam melahirkan guru abad 21. Data dikumpul menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru pelatih sem7 dan sem 8. Analisis min efikasi kendiri guru-guru pelatih menunjukkan mereka berada pada aras yang sederhana. Analisis korelasi Pearson mendapati hubungan efikasi kendiri guru meliputi pengurusan, penglibatan dan pengajaran adalah signifikan tetapi pada aras sederhana. Pengajaran dalam bilik darjah didapati menerima pengaruh yang lebih besar berbanding pengurusan dan penglibatan guru dalam bilik darjah.*

**Kata kunci:** efikasi kendiri, guru pelatih, IPG, guru abad 21

## **Abstract**

*A teacher is said to be brilliant when the teacher is able to master the holistic or holistic nature of being liked or not, the teaching profession demands a teacher to have the perfectness and excellence in everyday life, especially when educating his students. The study aims to see the level of self-efficacy of teachers. The IPG THO trainer in the creation of 21st century teachers. The data were collected using a questionnaire distributed to trainees sem7 and sem 8. The mean analysis of the self-efficacy of the trainee teachers showed that they were at a moderate level. Pearson correlation analysis found that the self efficacy link between teachers involved management, involvement and teaching was significant but at a moderate level. Teaching in the classroom was found to have greater influence over the management and involvement of teachers in the classroom.*

**Keywords:** self efficacy, teacher trainer, IPG, 21st century teacher

## **1.0 PENGENALAN**

Profesion keguruan pada abad ke-21 terdedah kepada pelbagai cabaran baharu yang berbentuk kebendaan, intelektual, pemikiran, kerohanian, kebudayaan, ideologi baharu dan isu-isu yang berkaitan dengan masalah etika. Secara konseptual guru sebagai golongan profesional perlu memenuhi pelbagai keperluan kompetensi untuk melaksanakan tugas dan kuasa mereka secara profesional, sementara keadaan sebenar sangat membimbangkan, samada dalam bentuk kuantiti, kualiti dan profesionalisme para guru. Isu ini terus tular dari semasa ke semasa dan sangat kompleks pada era globalisasi ni. Khair, (2017) bagi mendepani cabaran tersebut para guru perlu membina dan membentuk pelajar agar mampu bangkit dan membina

kekuatan untuk menentukan masa depan yang lebih cerah. Tanggungjawab melahirkan generasi masa hadapan yang gemilang dipikul bersama-sama seluruh warga pendidik melalui tugas mengajar, mentadbir, memantau, menyelia, mengurus, merancang, menggubal dasar, serta menjalankan penyelidikan dan penilaian.

Aristotle menyatakan, “*to become an able man in any profession, there are three things necessary – nature, study and practice*”. Bagi memastikan guru mempertingkatkan kualiti dan keterampilan daripada segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai positif, pembelajaran berterusan perlu sentiasa dilakukan terutama melalui inisiatif kendiri seperti dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (Guru dan Pemimpin Sekolah). Tahap profesionalisme warga pendidik di sekolah perlu mampan sehingga menepati Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Perubahan ini amat perlu kerana dengan pelbagai cabaran abad ini, latihan untuk bakal-bakal guru juga perlu sentiasa ditambah baik dari semasa kesemasa.

Dalam meningkatkan tahap profesionalisme guru, aspek kecekapan kendiri atau efikasi kendiri (Self Efficacy) perlu ada pada setiap guru. Efikasi kendiri adalah merujuk secara saintifik kepada sejauh mana individu memilih keyakinan terhadap kemampuan dirinya dalam mencapai satu-satu matlamat. Ianya merupakan penilaian terhadap kebolehan untuk mengorganisasi dan menyempurnakan urutan persembahan tingkah laku yang diperlukan untuk memperolehi matlamat yang dituju. Mustaqim (2008), menyatakan efikasi kendiri adalah keyakinan terhadap kemampuan seseorang untuk mengerakkan motivasi, sumber-sumber kognitif, dan serangkaian tindakan yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan-tuntutan dari situasi yang dihadapi. Kecekapan kendiri menentukan pilihan kita ke atas aktiviti, kesungguhan usaha kita, dan kecekalan kita dalam menghadapi rintangan dan pengalaman yang pahit, sebahagiannya dengan mengurangkan kebimbangan yang boleh mengganggu apabila terlibat dalam aktiviti. Manusia yang tinggi kecekapan kendirinya akan bertindak dalam situasi yang baru dengan cara yang lebih yakin, meletakkan matlamat yang tinggi, dan berterusan dalam usaha kerana percaya bahawa kejayaan akan diperolehi. Mereka kurang kecekapan kendiri pula akan cenderung mengalami tekanan dan kemurungan kerana mereka percaya mereka boleh menangani ancaman atau situasi yang menyukarkan. Bagi mereka yang kurang atau rendah kecekapan kendiri pula, akan merasakan atau menjangkakan kegagalan dan mengelakkan cabaran, mudah putus asa apabila menghadapi kesukaran, lambat pulih daripada masalah, dan mudah menjadi mangsa kepada tekanan dan kemurungan.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Institut Pendidikan Guru merupakan sebuah institusi pendidikan yang melatih bakal – bakal guru. Bakal - bakal guru ini terdiri daripada pelajar -pelajar lepasan SPM yang dipilih oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Untuk kemasukan ke IPG, pelajar-pelajar telah dipilih melalui ujian dan temuduga. Pelajar yang lulus peringkat persediaan sahaja akan ditawarkan untuk menyambung Ijazah Sarjana Muda Perguruan di IPG. Oleh itu, bagi memenuhi kepada Standard Guru Malaysia (SGM) yang menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institut latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Dokumen SGM disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada institusi latihan perguruan dalam usaha melahirkan dan melestarikan guru berkualiti.

Profesional keguruan pada abad ke-21 terdedah kepada pelbagai cabaran baharu yang berbentuk kebendaan, intelektual, pemikiran, kerohanian, kebudayaan, ideologi baharu dan isu-isu yang berkaitan dengan masalah etika, (Khair,2015). Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), KPM telah merangka bagi menyediakan murid menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21. Apa yang ingin ditekankan di sini adalah murid yang berketerampilan dan bersahsiah mulia boleh dihasilkan oleh sistem pendidikan

kebangsaan. Kemenjadian murid sudah tentu mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemenjadian guru ( Taa,2014).

### **1.2 Pernyataan Masalah**

Guru merupakan tunggak kepada kecemerlangan sesebuah sekolah. Kecemerlangan pelajar bermula dengan cemerlangnya seseorang guru itu. Kajian ini ingin mengkaji tahap efikasi kendiri guru pelatih setelah mereka menjalani latihan praktikum selama enam bulan di sekolah dalam tiga fasa. Apabila efikasi kendiri guru berada pada tahap yang tinggi, guru akan dapat menembusi setiap benteng halangan yang menghadang langkah mereka dari terus maju ke hadapan. Dengan berasaskan Teori Efikasi Kendiri Albert Bandura, para guru di negara kita hari ini diharapkan agar dapat mengaplikasikan segenap aspek keyakinan diri dalam diri mereka dengan mengeksploritasikan sepenuhnya kebolehan yang ada, sebagaimana yang dicadangkan oleh teori ini. Pensyarah-pensyarah sebagai jentera penggerak utama di institusi pendidikan guru juga perlulah menanamkan rasa optimis dalam diri guru-guru pelatih ini terhadap kemampuan holistik mereka. Usaha-usaha ini seterusnya akan menghasilkan sebuah generasi guru-guru baharu yang cekal mendepani cabaran globalisasi ilmu masa kini tanpa mengenal erti jemu dan putus asa; walaupun diuji dengan kegagalan, cabaran, dan permasalahan yang mendarat demikian merealisasikan sebuah kecemerlangan. Kajian ini disandarkan kepada kajian Azni (2010) mengenai dilema penempatan guru baharu di sekolah.

### **1.3 Objektif Kajian**

- Mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru pelatih Institut Pendidikan Guru
- Mengenal pasti hubungan efikasi kendiri guru pelatih IPGK Tun Hussein Onn dengan guru abad 21.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini boleh membantu IPG untuk merancang, membuat penambahbaikan akan program latihan guru agar guru-guru pelatih yang dididik daripada institut pendidikan guru menjadi lebih berkesan apabila mereka ditempatkan di sekolah-sekolah kelak.

## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

### **2.1 Reka bentuk kajian**

Kajian kuantitatif adalah kajian yang menggunakan maklumat atau data yang bersifat kuantitatif. Data kuantitatif boleh diukur, melalui proses pengukuran dan memerlukan alat-alat pengukuran seperti soal selidik dan ujian. Saiz sampel bagi kajian ini lebih besar. Reka bentuk kajian ini ialah kuantitatif, yang dijalankan di IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat. Penyelidik menggunakan instrument seperti soal selidik dan ujian pencapaian bagi memungut data. Instrumen berfungsi sebagai alat pengukur dan menjadi alat perantaraan antara penyelidik dan peserta kajian. Guru-guru pelatih yang terlibat merupakan mereka yang berada di semester 8 iaitu tahun akhir pengajian.

### **2.2 Instrumen kajian**

Kajian ini menggunakan soal selidik skala likert untuk mendapatkan data mentah. Skala Likert digunakan untuk mengukur sikap, pendapat, dan persepsi seseorang atau sekelompok orang tentang fenomena sosial. Dengan Skala Likert, variabel yang akan diukur dijabarkan menjadi indikator variabel. Kemudian indikator tersebut dijadikan sebagai titik tolak untuk menyusun item-item instrumen yang dapat berupa pertanyaan atau pernyataan. Jawaban setiap item instrumen yang menggunakan Skala Likert mempunyai gradasi dari sangat positif

sampai sangat negatif. Hasil kajian ini dianalisis mengikut keperluan objektif kajian. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik 5 mata skala likert. Instrumen soal selidik ini terdiri daripada tiga konstruk iaitu pengurusan bilik darjah, penglibatan guru dan pengajaran guru. Kebolehpercayaan instrumen bagi kajian ini ialah pada cronbach alpa=0.694 untuk efikasi kendiri guru manakala cronbach alpa=0.936 untuk guru abad 21. Kebolehpercayaan instrumen bagi soal selidik efikasi kendiri dan guru abad 21 dalam kalangan guru pelatih ini adalah baik dan diterima sebagai alat pengukuran dan penilaian. Instrumen ini telah digubal dan pengesahan muka daripada pakar bidang kaunseling yang berkelulusan ijazah kedoktoran serta bahagian bahasa disemak oleh Adiguru lantikan IPGM yang bertugas di IPG Kampus Tun Hussein Onn.

### **2.3 Persampelan Kajian**

Populasi kajian ini merupakan guru-guru pelatih IPGKTHO. Sampel kajian hanya melibatkan 41 orang guru pelatih semester 8 dari 53 orang guru pelatih semester 8 di IPG Kampus Tun Hussein Onn Batu Pahat. Mereka dipilih kerana telah melengkapkan keperluan praktikum selama enam bulan yang dilaksanakan mengikut semester bermula dari semester 5 sebulan, semester 6 dua bulan dan semester 7 tiga bulan. Mereka dipilih secara rawak. Sampel ini diambil menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kajian ini menetapkan bilangan responden ialah seramai 41 orang guru pelatih yang terpilih sebagai saiz sampel. Kajian ini mengambil sampel dengan merujuk penentuan saiz Krejcie dan Morgan (1970).

### **2.4 Prosedur Pengumpulan Data dan Penganalisisan Data Kajian**

Data dianalisis menggunakan statistik inferensial. Kesimpulan akan dibuat berdasarkan data yang dianalisis. Biasanya analisis ini mengambil sampel tertentu dari sebuah populasi yang jumlahnya banyak, dan dari hasil analisis terhadap sampel tersebut digeneralisasikan terhadap populasi. Oleh kerana itulah statistik inferensial ini juga disebut dengan istilah statistik induktif. Mengikut objektif kajian berdasarkan soal selidik yang dikembalikan oleh guru-guru pelatih ini. Pengkaji telah memilih guru-guru pelatih semester 8 sebagai sampel. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik melalui satu pertemuan yang diadakan dan mengedarkan borang-borang tersebut kepada mereka. Pengkaji memberi masa selama sejam bagi guru-guru pelatih ini menjawab soal selidik yang diedarkan. Pengkaji mentadbir sendiri soal selidik ini dengan mendapat keizinan daripada Unit Praktikum. Soal selidik dikemukakan kepada guru-guru pelatih ini untuk mendapatkan maklumbalas mengenai tahap efikasi kendiri guru pelatih ini setelah selesai menjalani latihan praktikum sebanyak tiga fasa .

## **3.0 DAPATAN KAJIAN**


Dapatan kajian ini dianalisis dan dirumus merujuk kepada objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Responden merupakan guru pelatih Sem 8 di IPGKTHO.

Jadual 1

Taburan Data Demografi Responden		
Maklumat, f (%)	Jantina f (%)	
	Lelaki	Perempuan
Opsyen	9 (21.95%)	32 (78.04%)
Reka Bentuk	6 (26.08%)	17 (73.91%)
Pemulihan	3 (16.66%)	15 (83.33%)


### 3.1 Mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru pelatih Institut Pendidikan Guru

Efikasi kendiri diukur melalui tiga aspek utama iaitu kemahiran pengurusan bilik darjah, penglibatan guru dalam bilik darjah dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru pelatih.



Graf 1: Pengurusan Guru dalam Bilik Darjah

Graf 1 menunjukkan taburan min bagi aspek pengurusan guru dalam bilik darjah. Dapatkan menunjukkan min tertinggi adalah “*Saya menekankan kepada perkara yang positif apabila bersama-sama murid*” (min=4.43). Min terendah adalah “*Saya sentiasa adil dan konsisten dengan murid saya*” ( min=4.14). Min keseluruhan bagi pengurusan guru dalam bilik darjah ialah 4.14 dan sisihan piaui 0.52.



Graf 2: Penglibatan Guru Dengan Murid

Graf 2 menunjukkan taburan min bagi aspek penglibatan guru dengan murid. Dapatkan menunjukkan min tertinggi adalah “*Situasi bilik darjah yang memberangsangkan mampu mempengaruhi murid di sekolah*” (min=4.53). Min terendah adalah “*Apabila seorang pelajar menghadapi masalah dengan tugasannya, saya biasanya dapat menyesuaikan diri dengan situasi mereka*” (min=4.24).

*dengan situasi mereka*" ( min=4.24). Min keseluruhan bagi pengurusan guru dalam bilik darjah ialah 4.24 dan sisihan piawai 0.55.



Graf 3: Pengajaran dan Pembelajaran Guru

Graf 3 menunjukkan taburan min bagi aspek pengajaran dan pembelajaran guru. Dapatkan menunjukkan min tertinggi adalah "Program latihan guru mampu memberikan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi guru yang berkesan dalam pdp. " (min=4.68). Min terendah adalah "Walaupun saya berkebolehan mengajar dengan baik tetapi saya tidak dapat memberi perhatian kepada semua murid ketika di dalam kelas. ( min=1.26). Min keseluruhan bagi pengajaran dan pembelajaran guru dalam bilik darjah ialah 4.11 dan sisihan piawai 0.57.

#### Jadual 2 Min Keseluruhan Efikasi

##### Descriptive Statistics

	N	Min	SD
Min keseluruhan efikasi kendiri	41	4.1132	.39897
N	41		

Tahap min keseluruhan bagi soalan efikasi kendiri terhadap semua responden adalah 4.11. Dapatkan soala selidik ini menunjukkan tahap efikasi kendiri guru pelatih pada tahap yang tinggi setelah mereka menjalani latihan selama tiga fasa yang berjumlah enam bulan .

### 3.2 Mengenal pasti hubungan efikasi kendiri guru pelatih IPGK Tun Hussin Onn dengan guru abad 21.

Jadual 3 Nilai julat bagi kekuatan hubungan

Nilai Skor Min	Kekuatan Hubungan
0.00	Tiada Hubungan
0.19	Sangat Lemah
0.20 – 0.39	Lemah
0.40 – 0.69	Sederhana
0.70 – 0.89	Tinggi
0.90	Sangat Tinggi

Nilai pekali kolerasi ( $r$ ) ialah nilai pengukuran perhubungan di antara dua pemboleh ubah. Ia merupakan satu nilai relatif dalam bentuk petunjuk sekala kekuatan + 1.00 hingga -1.0

Jadual 4 Correlations

		IV	DV
Efikasi Kendiri (IV)	Pearson Correlation	1	.713
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	41	41
Guru Abad 21 (DV)	Pearson Correlation	.713	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	41	41

\*\* Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

#### 3.2.1 Terdapat korelasi positif antara dua pemboleh ubah, $r=0.713$ , $p \leq 0.001$

Terdapat korelasi positif antara efikasi kendiri dengan guru abad 21 iaitu efikasi terhadap pengurusan guru dalam bilik darjah, efikasi terhadap penglibatan guru dalam bilik darjah dan efikasi terhadap pengajaran pembelajaran guru dalam bilik darjah. Berdasarkan Jadual 2 Nilai julat bagi kekuatan hubungan (*rules of thumbs*) terdapat hubungan yang kuat antara efikasi kendiri guru pelatih dengan guru abad 21. Nilai 0.71 menunjukkan kekuatan hubungan antara efikasi kendiri guru dengan guru abad 21 berada pada kekuatan hubungan yang tinggi.

#### **4.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Dapatan kajian dibincangkan dengan mengupas setiap objektif kajian. Dapatan kajian ini mendapatkan tahap efikasi kendiri guru pelatih Institut Pendidikan Guru berada pada tahap tinggi. Dapatan menunjukkan min bagi semua ciri efikasi kendiri iaitu pengurusan guru dalam bilik darjah, penglibatan guru dengan murid dan pengajaran dan pembelajaran guru yang dikaji berada pada min 4.00 iaitu tinggi.

Manakala bagi objektif kedua iaitu mengenal pasti hubungan efikasi kendiri guru pelatih IPGK Tun Hussin Onn dengan guru abad 21 pengkaji mendapat terdapat hubungan positif yang kuat antara efikasi kendiri guru pelatih dengan guru abad 21 berdasarkan korelasi pearson. Dalam kajian ini jelas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara boleh ubah bebas dan boleh ubah bersandar. Item yang memperoleh min yang tertinggi (4.68) iaitu “*Program latihan guru mampu memberikan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi guru yang berkesan dalam pdp*” jelas menunjukkan bahawa setelah melalui tiga fasa latihan guru-guru pelatih ini sememangnya cukup bersedia untuk berada di sekolah.

Kesimpulannya, dapatan kajian jelas menunjukkan efikasi kendiri guru-guru pelatih sem 8, IPG Kampus Tun Hussein Onn berada pada tahap tinggi iaitu melebihi 4.00. Oleh itu, dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Abu Bakar (2014) yang mana menunjukkan tahap kesediaan 42 orang guru pelatih Reka Bentuk Teknologi IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat berada pada tahap yang tinggi semasa menjalani latihan mengajar. Walau bagaimanapun guru-guru pelatih ini perlu terus melengkapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu keguruan. Sejakar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) dalam anjakan 5 iaitu Transformasi Keguruan Sebagai Profesional Pilihan menjelaskan bahawa aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia akan memastikan guru mengamalkan PdP berpusatkan murid dan memenuhi keperluan murid yang berbeza-beza serta memastikan guru yang akan berada di sekolah perlu bertaraf dunia.

#### **Rujukan**

- Bandura, A. & Mischel, W.(1986). Social Foundation Of Thought And Action: A Social And Cognitive Theory. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.
- Daniel.G. (2000). Kecerdasan Emosional : Mengapa EQ Lebih Penting Daripada IQ, Jakarta : PT. Gramedia Pustaka Utama
- Osong.J. (2014) . 21stCentury Knowledge And Skills In Educator Preparation Persediaan Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Abad Ke-21. Jurnal Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). Falsafah Pendidikan Negara. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Abu Bakar. K. A.(2014). Tahap Kesediaan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Dalam Latihan Mengajar. Tesis Sarjana. UTHM
- Lee, S.K.(2012, March 14-15), *Preparing 21<sup>st</sup> century teachers*:Singapore approach. New York,NY: International Summit on the Teaching Profession.
- Anthony Dio.M. ( 2003). Emotinal Quality Management: Refleksi, revisi dan Revitalisasi Hidup Melalui Kekuatan Emosi. Jakarta: Arga
- Jaafar. N. (2014). Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan. Tesis Phd. UKM.
- Idrisa. N. , Hamzaha.R. (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). Jurnal Teknologi (Social Sciences) 60 (2013) 31–37.UTM.